

Negara kucar-kacir jika perpaduan kaum rapuh — Najib

UM 4 APR 2007

KUALA LUMPUR 3 April — Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengingatkan semua pihak bahawa negara akan terjerumus dalam keadaan kucar-kacir jika perpaduan kaum rapuh dan lemah.

Justeru, tegas beliau, walaupun negara kian menikmati kemajuan, semua pihak tidak boleh memandang ringan terhadap proses membina sebuah negara

“Sebab itu, kita mesti bukan sahaja membangunkan negara tetapi mengukuhkan lagi pertalian antara kaum sehingga kita berfikir sebagai rakyat Malaysia.

“Pewujudan bangsa Malaysia yang berteraskan identiti nasional adalah sebahagian agenda penting untuk negara,” katanya kepada pemberita selepas pembentangan Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) di lobi Parlimen di sini.

Beliau mengulas salah

satu teras Dasar Wawasan Negara (DWN) daripada RRJP3 bagi membina bangsa yang berdaya tahan.

Bagi mencapai matlamat itu, rakyat Malaysia digesa berusaha mencanai kematangan politik dan tidak terjerumus ke dalam fahaman sempit dan ekstrem.

RRJP3 adalah pelan 10 tahun bagi tempoh 2001 hingga 2010 dan merupakan pembangunan dekad kedua di bawah Wawasan 2020.

Ia menyediakan dasar yang meluas dan parameter perancangan bagi penyediaan Rancangan Malaysia Kelapan dan Kesembilan.

Dalam pada itu, mengulas RRJP3 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Najib berkata, ia menekankan pertumbuhan ekonomi berteraskan produktiviti serta teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) yang adil dan saksama.

“Program ini menitikberatkan kepentingan membangunkan sumber manusia yang merupakan anak kunci kejayaan kita pada alaf ini.

“Kita mahu pembangunan bukan sahaja dari segi fizikal malah keselesaan melibatkan kualiti hidup,” katanya.

Beliau juga berharap pencapaian bumiputera dalam pemilikan sektor korporat untuk tempoh 10 tahun ini akan meningkat berbanding 19.1 peratus dalam tempoh sama menerusi Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Berhubung kekecohan yang ditimbulkan oleh anggota Parlimen parti pembangkang pada awal pembentangan RRJP3 pagi ini, Najib berkata, ia sudah menjadi gaya mereka dalam sesi Parlimen sejak pilihan raya umum 1999.

“Ini sudah berkali-kali dan saya percaya bukan kali terakhir,” katanya.